



**ASFARINA
DEDIKASI
'PINGAT EMAS'
KEPADA
IBU »46**



ASFARINA (tengah) menerima Pingat Emas Razlan Putra daripada Sultan Sharafuddin Idris Shah sambil disaksikan ibunya (kanan) di Majlis Konvokesyen UPM semalam.

Penghormatan tertinggi bintang hoki

- **Asfarina raih Pingat Emas Razlan Putra**
- **Keyakinan melonjak hadapi Sukan SEA**

Oleh ADAM GHAZALI

KEYAKINAN bintang hoki kebangsaan, Nor Asfarina Isahyifiqa Isahhidun berada pada tahap tertinggi dalam misinya memenangi pingat emas acara dalam dewan di Sukan SEA Thailand 2025 bermula 9 hingga 20 Disember ini.

Ia susulan pencapaian graduan Bachelar Pendidikan (Pendidikan Jasmani) dengan Kepujian, Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) itu meraih Pingat Emas Razlan Putra pada Majlis Penganugerahan Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-49 di Serdang semalam.

Asfarina, 24, yang merancang menyambung pengajian ke peringkat Sarjana di FPP UPM, kini memasang impian untuk merampas semula pingat emas edisi kali ini selepas 'dicuri' Thailand sewaktu edisi Kemboja 2023.

"Ini bukan penamat, tetapi permulaan baharu. Saya mahu terus mengangkat nama Malaysia dalam sukan hoki dan pada masa sama membina masa depan lebih baik melalui pendidikan," katanya.

Dibesarkan oleh seorang ibu tunggal yang cekal, Isayikilla Abdullah, 56, Asfarina membuktikan ilmu dan sukan mampu mengubah masa depan sekali gus menjadi pendorong utama untuk dia memperbaiki diri supaya dapat keluar daripada kepompong kesusahan hidup.

"Saya membesar dalam keluarga yang bukan senang. Satu cara untuk membanggakan ibu

adalah dengan memperbaiki diri dan memastikan masa depan saya lebih baik.

"Tuhan melindungi dan merancang perjalanan hidup saya dengan sangat baik dan saya bersyukur kerana sukan telah membawa saya ke tahap ini.

"Saya tidak tahu apa-apa tentang hoki pada mulanya, tetapi dari situlah saya jatuh cinta dengan sukan ini yang memberi saya arah jelas. Hoki bawa saya hingga ke 'Menara Ilmu,'" katanya.

Asfarina mengakui pernah merasa rendah diri apabila berentap dengan atlet yang mempunyai pencapaian lebih besar, namun keyakinannya kembali teguh apabila sentiasa percaya rezeki tidak pernah tersalah alamat.

"Segala yang saya capai hari ini adalah untuk diri saya dan ibu. Saya mahu terus maju serta memberikan yang terbaik dalam sukan dan bidang akademik," katanya.